

JAWATAN

- A1 : Eksekutif Hasil Kanan I (Teknologi Maklumat)**
- Kontrak Bergaji Bulanan
- A2 : Eksekutif Hasil (Teknologi Maklumat)**
- Kontrak Bergaji Bulanan
- A3 : Penolong Eksekutif Hasil (Teknologi Maklumat)**
- Kontrak Bergaji Bulanan

KELAYAKAN MEMOHON

A1

- Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Memiliki **pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun** dalam bidang Pengurusan Teknologi Maklumat.

A2

- Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Memiliki **pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun** dalam pembangunan sistem.

A3

Memiliki Diploma dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

CARA MEMOHON

- Calon hanya dibenarkan untuk memohon satu jawatan yang diiklankan sahaja. Permohonan tidak perlu dicetak / dipos ke LHDNM.
- Permohonan daripada calon luar dan pegawai LHDNM bertaraf kontrak bergaji harian hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL: <https://career.hasil.gov.my/>
- Pemohon hendaklah memastikan semua maklumat adalah tepat dan terkini sebelum permohonan dibuat.

KELAYAKAN TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN

- Semua pemohon mestilah Warganegara Malaysia berumur dalam lingkungan tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
- **Kepujian** dalam subjek Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan), Matematik dan Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Permohonan hanya dibuka untuk calon luar dan kontrak bergaji harian yang sedang berkhidmat di LHDNM sahaja.
- **A1 & A2**
Memiliki Purata Nilai Gred Terkumpul (CGPA) sekurang-kurangnya 2.70 dan ke atas bagi Ijazah Sarjana Muda yang berkenaan.
- **A3**
Memiliki Purata Nilai Gred Terkumpul (CGPA) sekurang-kurangnya 2.70 dan ke atas bagi Diploma berkenaan.

BIDANG & SKOP TUGAS

A1

- Mengurus, menyediakan perancangan dan pelan pelaksanaan projek, keperluan sumber (teknikal dan manusia) serta kos projek;
- Menyediakan pelan pelaksanaan perubahan dalam Projek Kejuruteraan Semula dan Transformasi Hasil;
- Mengenalpasti risiko berkaitan transformasi digital dan pembangunan sistem, projek pembersihan data, projek migrasi data, projek integrasi dan menyediakan dokumentasi berkaitan; dan
- Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan.

A2

- Melaksanakan kajian kemungkinan dan analisis keperluan pengguna sistem termasuk pembangunan sistem yang lebih kompleks. Bertanggungjawab untuk membangun, penyelenggaraan, penambahbaikan dalam projek pembersihan dan migrasi data serta projek integrasi sistem;
- Mengenalpasti, menyesuaikan dan menyelenggara prosidur dan polisi keselamatan ICT organisasi serta menyediakan dan melaksana khidmat sokongan teknikal keselamatan ICT kepada pengguna;
- Bertanggungjawab dalam menyelaras kerja-kerja migrasi data, reka bentuk pangkalan data, data model dan integrasi serta bertanggungjawab dalam menyelaras kerja-kerja konfigurasi infrastruktur *Cloud*, *Hyper-converged*, *Exadata*, teknologi *Container* dan pengurusan *backup & recovery*; dan
- Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan.

A3

- Membantu melaksanakan kajian kemungkinan dan analisis keperluan pengguna serta membantu menyediakan sebarang reka bentuk sistem mengikut hasil analisis;

- Membantu membangunkan sistem menggunakan perisian yang disediakan serta membantu menjalankan pengujian, latihan dan pelaksanaan produksi sistem; dan
- Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan.

GAJI PERMULAAN & PENEMPATAN

A1

Gaji Permulaan : RM 9,042.00
Penempatan : Jabatan Teknologi Maklumat

A2

Gaji Permulaan : RM 2,977.00
Penempatan : Jabatan Teknologi Maklumat

A3

Gaji Permulaan : RM 2,198.00
Penempatan : Jabatan Teknologi Maklumat

MAKLUMAT TEMU DUGA

- Nama calon yang berjaya dipanggil menghadiri temu duga akan **dimaklumkan** di Portal Rasmi LHDNM www.hasil.gov.my (ruangan "Kerjaya"). Keputusan adalah **muktamad**.
- Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh 45 hari daripada tarikh tutup iklan, adalah dianggap tidak berjaya.
- **Pemohon dinasihatkan sentiasa menyemak Portal Rasmi LHDNM** untuk sebarang perkembangan terkini berhubung tawaran jawatan ini.
- Sekiranya memerlukan penjelasan lanjut, sila emelkan pertanyaan ke alamat: kerjaya@hasil.gov.my

TEMPOH IKLAN

Tarikh Buka : 14 Disember 2020
Tarikh Tutup : 28 Disember 2020